

PENGGUNAAN PROSEDUR 'SMART ACCOUNTING' DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR POLITEKNIK : SATU KAJIAN KES

Moriza binti Fikri ¹, Wan Mustaffa bin Wan Yusoff², Dr Ahmad Zia UI-Saufie Mohamad Japeri³

¹Moriza binti Fikri, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Jabatan Perdagangan, Kulim, Kedah

²Wan Mustaffa bin Wan Yusoff, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Jabatan Perdagangan, Kulim, Kedah

³Dr Ahmad Zia UI-Saufie Mohamad Japeri, UiTM Pulau Pinang, Fakulti Sains Komputer Dan Matematik, Pulau Pinang

ARTICLE INFO

Article history:

Received : June 2015

Accepted : August 2015

Available online : January 2017

Kata kunci:

Pendekatan pengajaran perakaunan, kajian kes, Politeknik, Malaysia

ABSTRACT

Pendidikan perakaunan adalah penting bagi bidang perniagaan atau bukan perniagaan. Di atas kesedaran inilah ramai di kalangan para pelajar ingin menceburi bidang ini dengan mengikuti pendidikan perakaunan di peringkat sekolah hinggalah ke peringkat insituti pengajian tinggi. Cabaran bagi mereka adalah kesukaran kursus ini (Asas Perakaunan) seperti mana mempelajari bahasa asing, akibatnya berlaku kebimbangan yang ekstrim dalam kalangan pelajar. Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui pencapaian, keberkesanan dan perubahan sikap para pelajar terhadap kursus perakaunan dengan pendekatan "Smart Accounting". Dapatan kajian ini mendapati bahawa pelajar yang mengikuti kursus Asas Perakaunan telah meningkat pencapaian mereka iaitu markah yang diperolehi telah mengatasi pencapaian markah di sesi-sesi pengajian sebelum ini iaitu sebanyak 36.2 peratus. Pelajar juga dapat menyelesaikan soalan-soalan berkaitan dengan tajuk Penyata Kewangan dan pelarasannya dalam tempoh masa yang lebih singkat kerana mereka mahir dan seronok menggunakan langkah-langkah yang terdapat dalam pendekatan "Smart Accounting". Selain dari itu, pendekatan ini amat praktikal untuk digunakan oleh para pelajar kerana ianya dapat merubah sikap pelajar terhadap subjek perakaunan dan seterusnya memotivasikan mereka bagi mengikuti kursus-kursus perakaunan yang lain di semester yang lebih tinggi. Secara tidak langsung, dengan pengaplikasian pendekatan ini boleh mengurangkan rasa kebimbangan dalam kalangan pelajar semester satu di Jabatan Perdagangan bagi meneruskan pengajian mereka di PTSB.

PENGENALAN:

Pendidikan adalah merupakan satu usaha yang berpanjangan ke arah melahirkan insan yang berilmu pengetahuan demi kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Kurikulum pendidikan memainkan peranan penting bagi mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan seperti penggubalan kurikulum pendidikan perakaunan. Menurut [1], kurikulum Prinsip Perakaunan di sekolah menengah merupakan satu pengajian asas perakaunan yang bertujuan untuk melahirkan individu yang mempunyai kemahiran perakaunan, berakauntabiliti, berfikiran kritikal dan reflektif, mengamalkan budaya kerja yang beretika, berkemahiran dalam teknologi maklumat, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat, mempunyai kemahiran

komunikasi yang baik melalui pendekatan pembelajaran bermakna dan kesepaduan teori dan amalan perakaunan seperti yang dinyatakan dalam objektif pembelajaran. Di semua politeknik-politeknik Malaysia, matlamat kurikulum pendidikan Asas Perakaunan ialah bagi membolehkan para pelajar mendapat pengetahuan dan kefahaman tentang aspek operasi sistem perakaunan dan prosedur, kaedah-kaedah yang digunakan untuk memantapkan rekod perakaunan dalam penyediaan Penyata Kewangan semua entiti perniagaan dan bukan perniagaan [2].

Pendidikan perakaunan adalah sangat penting bagi bidang perniagaan atau bukan perniagaan. Maklumat perakaunan akan dapat menggambarkan prestasi dan kedudukan kewangan bagi sesebuah organisasi. Pegawai yang bertanggungjawab mengenai maklumat perakaunan dalam sesebuah organisasi dikenali sebagai akauntan. Kerjaya ini adalah diiktiraf oleh kerajaan Malaysia sebagai satu jawatan yang professional yang memiliki banyak keistimewaannya seperti berpendapatan tinggi dan menikmati kualiti hidup yang memuaskan [3]. Di atas kesedaran inilah ramai di kalangan para pelajar ingin menceburi bidang ini dengan mengikuti pendidikan perakaunan di peringkat sekolah hinggalah ke peringkat insituti pengajian tinggi. Mengikuti pendidikan perakaunan memang mencabar terutama di peringkat sekolah menengah. Menurut [4], faktor kefahaman mengenai subjek yang diajar serta kaedah dan pengajaran oleh guru didapati memainkan peranan dalam mempengaruhi keputusan peperiksaan pelajar. Di samping itu, ketelitian semasa menjawab soalan dan wujudnya topik-topik sukar dalam matapelajaran prinsip perakaunan turut menjadi faktor penyumbang dalam mempengaruhi keputusan peperiksaan pelajar.

Dalam kalangan para penyelidik Barat seperti [5], menyatakan bahawa para pelajar baharu perakaunan memberi pandangan akan kesukaran subjek ini seperti mana mempelajari bahasa asing, akibatnya berlaku kebimbangan yang ekstrim dalam kalangan pelajar. Bagi [6], mereka telah membuat kajian dan mendapati bahawa lebih kebiasaan dengan bahan kursus dan kaedah baharu pengajaran perakaunan yang bersepadu boleh mengurangkan kebimbangan tentang subjek ini dalam kalangan pelajar dan pendidik. Perkara yang sama juga berlaku di institusi pengajian tinggi awam Malaysia seperti politeknik. Hal ini berlaku dalam kalangan para pelajar semester satu di Jabatan Perdagangan diwajibkan untuk mengambil satu kursus berkaitan dengan perakaunan iaitu Asas Perakaunan (Fundamentals of Accounting).

PERNYATAAN MASALAH

Kursus Asas Perakaunan adalah merupakan satu kesinambungan daripada pelajaran Prinsip Perakaunan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kursus ini mesti diambil oleh semua para pelajar semester satu di Jabatan Perdagangan. Kursus perakaunan ini adalah dianggap sebagai satu kursus yang sukar. Dalam kalangan pelajar semester satu yang tiada asas perakaunan, pandangan seperti ini adalah lumrah tetapi bagi pelajar yang mempunyai asas yang kuat, maka tanggapan ini menimbulkan satu tanda tanya. Bagi para pensyarah, tidak dapat dinafikan terdapat tajuk-tajuk tertentu yang agak mencabar minda para pelajar. Contohnya, Penyata Kewangan dan akaun palarasan. Hal ini terbukti dengan hasil pencapaian pelajar seperti jadual 1 di bawah ini:

Jadual 1: Keputusan Ujian 2


Bil.	Sesi	Peratus Purata Pencapaian Ujian 2
1.	Dis. 2011	61%
2.	Jun 2012	62%
3.	Dis 2012	44%

Ujian 2 adalah penilaian yang diberikan kepada pelajar semester satu setelah mengikuti kuliah bagi tajuk Penyata Kewangan dan palarasannya. Didapati sesi Disember 2011 dan Jun 2012 adalah pada tahap sederhana iaitu sekitar 60%, tetapi pada sesi Disember 2012 ianya begitu merosot (44%). Fenomena ini bukannya satu perkara baru, menurut [7] dan [8], mereka beranggapan Prinsip Akaun adalah mata pelajaran yang sukar untuk mencapai keputusan pada tahap yang cemerlang. Malah ramai rakan sekelas yang menganggap mata pelajaran ini sebagai mata pelajaran yang kritikal sehinggakan hilang minat serta gagal menguasai kemahiran-kemahiran tertentu.

Pengkaji beranggapan pemasalahan ini berpanjangan adalah disebabkan oleh kaedah menjawab soalan bagi tajuk berkenaan masih terikat dengan kaedah-kaedah tradisional. Oleh itu, pengkaji mengemukakan satu teknik baharu iaitu "Smart Accounting". Kaedah ini mengemukakan langkah-langkah tertentu yang mesti diikuti dengan penghasilan jawapan yang lebih cepat dan tepat serta mendapat markah yang lebih baik. Penekanannya lebih kepada proses dan kemahiran.

KERANGKA KONSEPTUAL

Kerangka teori bagi kajian ini adalah berdasarkan kepada model yang dikemukakan oleh [9] dalam 'Pendekatan Koperatif Model STAD Terhadap Pelajar Tingkatan 1 Dalam Topik Nombor Negatif.' Model ini menyatakan kaedah pengajaran dan pembelajaran model STAD telah membantu meningkat pencapaian pelajar dan kemahiran berfikir secara kreatif dalam topik penambahan dan penolakan nombor negatif serta meningkat minat dan pemahaman pelajar dalam subjek Matematik. Rajah 1 menunjukkan pembolehubah tidak bersandar (bebas) adalah kaedah "Smart Accounting" manakala prestasi, keberkesanan dan sikap sebagai pembolehubah bersandar. Pengkaji menggunakan model yang diutarakan oleh [9] bagi mendapatkan konstruk-konstruk yang relevan dalam kajian ini.



Rajah 1: Kerangka Konseptual bagi "Smart Accounting"

TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini secara umumnya untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap pengaplikasian "Smart Accounting" sebagai salah satu kaedah penyelesaian yang baik bagi tajuk Penyata Kewangan dan pelarasannya. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah:

- (a) untuk mengetahui pencapaian pelajar bagi tajuk berkenaan setelah mempraktikkan pendekatan "Smart Accounting"
- (b) untuk mengenalpasti keberkesanan pendekatan "Smart Accounting" dalam menjawab soalan bagi tajuk berkenaan
- (c) untuk mengetahui perubahan sikap pelajar dalam mempelajari kursus perakaunan

METODOLOGI

Kajian ini merupakan satu kajian kes. Merujuk kepada [10], kajian kes adalah analisis kontekstual daripada situasi bersamaan dalam organisasi-organisasi lain, di mana semulajadi dan definisi terhadap masalah yang terjadi akan menjadi pengalaman yang sama dalam situasi semasa. Sejumlah 46 orang pelajar semester pertama program Diploma Akauntansi dari Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) telah dipilih sebagai responden. Pengumpulan data dibuat menggunakan soal selidik dan satu ujian. Instrumen-instrumen berkenaan digunakan untuk mengkaji persepsi pelajar yang telah mengikuti "Smart Accounting" terhadap pencapaian, keberkesanan dan sikap mereka.

Pengkaji membina instrumen soal selidik yang mengandungi dua bahagian iaitu BAHAGIAN 1 (maklumat mengenai peribadi responden) dan BAHAGIAN 2 (maklumat mengenai persepsi pelajar). Data-data daripada soal selidik dianalisa dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package for the Social Sciences*). Kajian rintis ke atas 30 responden telah dijalankan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan (reliability)

instrumen. Alfa Cronbach untuk soal selidik tersebut adalah $\alpha = 0.7$. Data yang diperolehi dari kajian ini dianalisa secara diskriptif.

Satu lagi instrumen kajian yang digunakan adalah ujian yang mengandungi satu soalan mengenai tajuk Penyata Kewangan dan Pelarasannya. Soalan ujian ini telah diambil dari bank soalan yang diluluskan oleh Ketua Jabatan. Para pelajar diminta untuk menjawab dalam tempoh 30 minit dan seterusnya jawapan pelajar disemak oleh pengkaji bagi mendapatkan markah. Kemudian markah berkenaan ditentukan puratanya untuk menentukan samada berlaku peningkatan atau sebaliknya.

DAPATAN ANALISIS

Dapatan menunjukkan responden kajian terdiri dari pelajar semester satu yang mengikuti program Diploma Akauntansi. Pelajar diploma berkenaan adalah seramai 46 orang. Responden lelaki adalah seramai 6 orang (13 peratus) dan perempuan pula adalah seramai 40 orang (87 peratus). Ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar Jabatan Perdagangan di PTSB adalah perempuan. Keterangan tentang jantina responden ada ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Jantina Responden

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	6	13.0
Perempuan	40	87.0
Total	46	100.0

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui pencapaian pelajar dalam ujian yang telah diambil setelah mengikuti pendekatan "Smart Accounting". Jadual 3 menunjukkan peratusan markah yang diperolehi oleh para pelajar dalam ujian yang telah diambil. Purata markah bagi ujian adalah 75.8 peratus dan kekerapan yang paling tinggi (frekuensi=8) adalah pada markah 100 peratus.

Jadual 3: Markah Ujian Pelajar

Markah	Frekuensi	Peratus
27	1	2.2
50	3	6.5
54	1	2.2
55	2	4.3
57	1	2.2
59	1	2.2
67	1	2.2
68	4	8.7
69	2	4.3
71	2	4.3
72	1	2.2
73	4	8.7
75	2	4.3
77	2	4.3
78	2	4.3
80	4	8.7
88	1	2.2
92	1	2.2
94	1	2.2
95	1	2.2
97	1	2.2
100	8	17.4
Jumlah	46	100.0

Hasil pencapaian di atas adalah relevannya dengan jawapan yang diberikan oleh responden berkaitan dengan kenyataan iaitu "Saya dapati markah yang lebih baik diperolehi setelah mengaplikasikan langkah ini". Ini

ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah. Di dapati 91.7 peratus bersetuju bahawa dengan mengikuti "Smart Accounting" markah yang baik akan diperolehi manakala 8.3 peratus adalah tidak bersetuju.

Jadual 4: Maklumbalas Terhadap Kenyataan Tentang Prestasi

Kenyataan	Pilihan	Peratus
Saya dapati markah yang lebih baik diperolehi setelah mengaplikasikan langkah ini	Setuju	91.7
	Tidak setuju	8.3
	Total	100.0

Selain daripada pencapaian markah, pendekatan ini juga lebih menjimatkan masa bagi para pelajar dalam menyelesaikan masalah berkaitan dengan tajuk ini. Kebanyakan para pelajar iaitu 91.7 peratus bersetuju bahawa mereka mendapati masa untuk menyelesaikan soalan bagi tajuk ini lebih pantas berbanding dengan 8.3 peratus yang tidak bersetuju. Ini ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Maklumbalas Terhadap Kenyataan Tentang Masa

Kenyataan	Pilihan	Peratus
Saya mendapati masa untuk menjawab soalan bagi tajuk ini lebih pantas setelah mengaplikasikan langkah ini	Setuju	91.7
	Tidak setuju	8.3
	Total	100.0

Dengan pencapaian markah yang baik dan penjimatan masa ini menunjukkan bahawa pendekatan "Smart Accounting" ini juga telah melahirkan keseronokan dalam kalangan pelajar untuk menyelesaikan soalan-soalan yang berkaitan dengan tajuk ini. Keseronokan ini jelas ditunjukkan dalam Jadual 6, di mana peratusan bersetuju adalah sebanyak 94.4 peratus dan yang tidak bersetuju hanyalah 5.6 peratus.

Jadual 6: Maklumbalas Terhadap Kenyataan Tentang Keseronokan

Kenyataan	Pilihan	Peratus
Saya mendapati langkah ini dalam penyelesaian masalah adalah menyeronokkan	Setuju	94.4
	Tidak setuju	5.6
	Total	100.0

Dengan menggunakan kaedah ini juga para pelajar di dapati lebih mahir dalam menyelesaikan masalah (soalan) dan dapat menyelesaikannya dengan betul. Ini jelas terbukti dengan persetujuan mereka dalam hal ini iaitu sebanyak 86.1 peratus dan yang tidak bersetuju sebanyak 13.9 peratus. Jadual 7 ada menerangkan tentang perkara ini.

Jadual 7: Maklumbalas Terhadap Kenyataan Tentang Kemahiran

Kenyataan	Pilihan	Peratus
Saya lebih mahir menyelesaikan masalah selepas mengikuti langkah ini dan dapat menyelesaikannya dengan betul	Setuju	86.1
	Tidak setuju	13.9
	Total	100.0

Kesimpulannya, apa yang menarik lagi tentang pendekatan ini adalah pengakuan pelajar bahawa kaedah ini boleh menarik minat mereka tentang kursus perakaunan dan mendapati tajuk Penyata Kewangan dan pelarasannya adalah lebih senang. Jadual 8 menunjukkan bahawa 97.2 peratus pelajar menjadi lebih berminat dengan kursus Asas Perakaunan dan hanya 2.8 peratus yang tidak berminat. Bagi tajuk Penyata Kewangan dan pelarasannya pula, para pelajar merasakan tajuk ini lebih senang iaitu 88.9 peratus yang bersetuju dan 11.1 peratus yang tidak bersetuju.

Jadual 8: Maklumbalas Terhadap Kenyataan Tentang Minat dan Lebih Senang

Kenyataan	Peratus Setuju	Peratus Tidak Setuju
Saya lebih minat mempelajari kursus Asas Perakaunan setelah didedahkan dengan langkah ini	97.2	2.8

Saya berasa tajuk Penyata Kewangan dan pelarasannya lebih senang setelah mengikuti langkah ini	88.9	11.1
--	------	------

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian ini boleh membantu para pelajar mengurangkan rasa bimbang dan tertekan kerana dengan adanya pendekatan baharu seperti "Smart Accounting" ini, ia boleh memperbaiki pencapaian mereka dalam subjek perakaunan. Selain dari itu, kajian yang dibuat oleh [11] juga berkaitan dengan meningkat kemahiran penyelesaian masalah berkenaan topik dokumen perniagaan melalui kaedah "magik huruf" dapat membantu pelajar Tingkatan 5. Menurut [7], satu kajian telah dibuat untuk membantu pelajar perakaunan yang menghadapi masalah menyediakan Penyata Kewangan dengan tepat. Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan dalam semua aspek yang dikaji setelah para pelajar di Maktab Perguruan Kuala Terengganu didedahkan dengan pendekatan 7-E.

Di PTSB, tajuk yang sama dikaji. Kajian ini mendapati bahawa aplikasi kaedah ini boleh mempertingkatkan keberkesanan para pelajar dalam menyelesaikan soalan-soalan berkaitan dengan tajuk Penyata Kewangan dan pelarasannya. Mereka dapat menyelesaikannya dalam tempoh masa yang lebih singkat kerana mereka mahir dan seronok menggunakan langkah-langkah yang terdapat dalam pendekatan "Smart Accounting". Para pelajar merasakan mereka mahir setelah berjaya mendapatkan markah yang baik dalam ujian dan dapat menyiapkan soalan-soalan latihan yang diberi dalam tempoh yang singkat serta betul jawapannya. Tambahan pula, kejayaan ini akan lahir perasaan keseronokan dalam mempelajari tajuk ini. Ada juga penyelidik membuat kajian tentang keseronokan dalam pembelajaran. [12] telah melaksanakan kaedah bermain sambil belajar di mana ianya boleh mendatangkan banyak manfaat kepada para pelajar seperti mudah memahami subjek yang diikuti, menyeronokkan (tidak bosan), mudah dan cepat ingat dan juga lebih aktif dalam bilik kuliah.

Dapatan kajian ini juga dapat merubah sikap pelajar terhadap subjek perakaunan. Mereka di dapati lebih berminat dengan kursus Asas Perakaunan. Dengan minat yang tersemat dalam jiwa para pelajar ini akan dapat mendorong atau memotivasikan mereka bagi mengikuti kursus-kursus perakaunan yang lain di semester yang lebih tinggi. Menurut kajian yang telah dibuat oleh [4], mendapati bahawa minat pelajar itu sendiri terhadap mata pelajaran prinsip perakaunan turut menunjukkan hubungan yang hampir signifikan dalam mempengaruhi gred keputusan peperiksaan pelajar.

Secara menyeluruh kajian ini menunjukkan bahawa para pelajar merasa mahir dengan tajuk Penyata Kewangan dan pelarasannya setelah menggunakan pendekatan baharu ini. Ini adalah berdasarkan kepada skor min yang paling tinggi iaitu 1.14. Jadual 9 menunjukkan skor min persepsi pelajar yang mengikuti pendekatan ini.

Jadual 9: Skor Min Maklumbalas Pelajar

Persepsi	Keseronok	Mahir	Prestasi	Masa	Minat	Senang
Min	1.06	1.14	1.08	1.08	1.03	1.11

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Terdapat beberapa batasan dalam kajian ini di mana jumlah responden adalah para pelajar semester satu dari program Diploma Akauntansi yang kebanyakannya memiliki asas pendidikan perakaunan. Dari statistik kajian ini didapati 87 peratus memiliki asas perakaunan manakala 13 peratus lagi tidak memiliki asas perakaunan. Selain dari itu, tidak semua populasi menggunakan pendekatan "Smart Accounting" (78

peratus), masih ada juga dalam kalangan mereka menggunakan kaedah tradisional (22 peratus). Keadaan-keadaan inilah menyebabkan wujudnya ketidakseimbangan bilangan responden dalam kajian ini.

Secara keseluruhan, dapatan kajian ini mendapati bahawa pelajar yang mengikuti kursus Asas Perakaunan telah meningkat pencapaian mereka iaitu markah yang diperolehi telah mengatasi pencapaian markah di sesi-sesi pengajian sebelum ini iaitu sebanyak 36.2 peratus. Pelajar juga dapat menyelesaikan soalan-soalan berkaitan dengan tajuk Penyata Kewangan dan pelarasannya dalam tempoh masa yang lebih singkat kerana mereka mahir dan seronok menggunakan langkah-langkah yang terdapat dalam pendekatan "Smart Accounting" tersebut. Selain dari itu, pendekatan ini amat praktikal untuk digunakan oleh para pelajar kerana ianya dapat merubah sikap pelajar terhadap subjek perakaunan dan seterusnya memotivasikan mereka bagi mengikuti kursus-kursus perakaunan yang lain di semester yang lebih tinggi. Secara tidak langsung, dengan pengaplikasian pendekatan ini boleh mengurangkan rasa kebimbangan dalam kalangan pelajar semester satu di Jabatan Perdagangan bagi meneruskan pengajian mereka di PTSB. Cadangan agar di masa-masa akan datang kajian yang sama boleh dilaksanakan bagi tajuk-tajuk terpilih dengan pendekatan yang berlainan pula.

RUJUKAN

- [1]Devaki & Chitra (2011). Penggunaan "konsep AB.LEH" dalam mengenalpasti kedudukan item-item pada bahagian debit dan kredit dalam mata pelajaran prinsip perakaunan di kalangan pelajar tingkatan empat adil, sekolah menengah kebangsaan paya besar, kuantan pahang. Jawatankuasa Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- [2]Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2011). Sukatan Kursus PA101-Fundamentals of Accounting
- [3]Nor Hayati Sa'at (2004). Golongan Profesional Melayu di Terengganu: kajian sosio-budaya. *Akademika*, Januari, 133-142.
- [4]Nik Zam (2006). Pandangan pelajar terhadap matapelajaran prinsip perakaunan di Daerah Maran, Pahang. Insitut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan, Universiti Teknologo MARA, Shah Alam, Selangor.
- [5]Borja (2003). So you've been asked to teach principles of accounting. *Business Education Forum*, 58(2), 30-32.
- [6]Jessica & Diane (2011). Trends in accounting: Decreasing accounting anxiety and promoting new methods. *Journal of Education for Business*,86: 31-35.
- [7]Mohd Kamal (2005). Meningkatkan kefahaman pelajar melalui pengajaran 7-E: Satu pengalaman dalam mata pelajaran pendidikan perakaunan. Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan Profesionalisme, Maktab Perguruan Kuala Terengganu.
- [8]Mohamad Azmi et. al. (2010). Pandangan pelajar terhadap matapelajaran prinsip Perakaunan di Daerah Maran, Pahang. *Prosiding Konferensi Akademik 2010*, volume:2010.
- [9]Sin Chow Lai (2006). Pendekatan koperatif Model STAD terhadap pelajar Tingkatan 1 dalam topik nombor negatif.' *Fakulti Sains, Open University Malaysia*.
- [10]Umar Sekaran (2003). *Research methods for business*, fourth edition. New York:John Wiley & Son,35.
- [11]Abdul Rahman (2007). Meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah berkenaan topik dokumen perniagaan mata pelajaran prinsip perakaunan melalui kaedah "magik huruf". *SMK Benut 82200 Benut, Pontian, Johor*.

[12]Sri Dewi Agustina (2012). Pembelajaran model games untuk meningkatkan kemampuan kosakata Bahasa Inggris siswa. MTs Negeri 2 Model Palembang.